

PELITA



BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP² HARI RABU

TAHUN 11 BILANGAN 23 RABU 8 JUN, 1966. 1386 رابو 19 صفر PERCHUMA

PERBARISAN HARI JADI D.Y.M.M. BAGINDA QUEEN:

D.Y.M.M. MAULANA AL-SULTAN DI-JANGKA BERCHEMAR DULI

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin di-jangka berchemar Duli ka-upachara perbarisan bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen di-Padang Besar, Bandar Brunei, pada pagi hari Sabtu 11 Jun, 1966.

Baginda juga akan menerima Tabek Diraja di-temasha perbarisan itu.

Pasokan2 Pulis Diraja Brunei, Askar Melayu Diraja Brunei, Gurkha Rifles Baginda Queen, Pencharagam Pulis Diraja Brunei, Pencharagam Serunai dan Tambor Gurkha Rifles Baginda Queen serta Pertubohan2 Awam akan mengambil bahagian dalam perbarisan tersebut.

Perbarisan itu akan di-mulai pada jam 7.30 pagi. Para jemputan ada-lah di-minta supaya

duduk di-tempat masing2 pada masa tersebut hingga tamat perbarisan.

**MAJLIS JAMUAN
DI-HALAMAN
RUMAH P.J.T.**

Mulai pada jam 5 petang hingga ka-jam 6.30 petang hari tersebut, Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Awang F. D. Webber dan Isteri beliau akan mengadakan satu Majlis Jamuan di-halaman Rumah Pesuruh Jaya Tinggi British sebagai me-

nyambut Hari Jadi Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen.

Pada malam hari tersebut pula, satu Temasha Tari Menari akan di-adakan di-bangunan Royal Brunei Yacht Club hingga ka-jam 2 pagi.

CHATETAN: Hari Sabtu 11 Jun, 1966, ia-itu Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen, ia-lah Hari Kelepasan Awam di-seluruh Negeri Brunei.



Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim kelihatan dalam gambar ini semasa beliau berucap sa-belum merasmikan pembukaan Mashuarat Agong Persekutuan Persatuan2 Peladang Negara Brunei, di-Dewan Kemasharakatan Bandar Brunei pada pagi hari Sabtu 4 Jun, 1966.

Negeri Brunei Akan Menyambut Nuzul Al-Koran Sa-chara Besar2an Tahun Hadapan

BANDAR BRUNEI. — Negeri Brunei pada masa ini sedang mengator persiapan sa-chara besar2an bagi menyambut Nuzul Al-Koran yang akan berusia 1,400 tahun pada bulan Disember tahun 1967. Demikian kata Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin berkata sa-demikian sa-belum beliau merasmikan pem-

bukaan Peraduan Bachaan Al-Koran Murid2 Sekolah2 Ugama Daerah Brunei dan Muara di-Dewan Madrasah, Bandar Brunei, pada petang hari Ahad yang lalu.

Dalam ucapan tersebut, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin berkata lagi bahawa negara2 Islam di-seluruh Dunia juga akan mengadakan sambutan2 sa-chara besar2an bagi mengalu2kan turun-nya Kitab Suchi Al-Koran itu.

Persidangan Majlis2 Mashuarat Daerah2 Tutong, Brunei Dan Muara

TUTONG. — Majlis Mashuarat Daerah Tutong telah meluluskan dua usol dalam persidangan-nya di-Dewan Majlis Mashuarat Pekan Tutong pada pagi kelemarin.

Usol2 itu menasehatkan Kerajaan supaya mengadakan Wakil Pos di-Kampung Ukong dan Pos Bergerak yang menggunakan moto sangkut untuk kampong2 di-tepi sa-panjang Sungai Tutong, dan membantu mengadakan parit2 dan tali ayer untuk ladang2 sawah padi

di-Kampung Lamunin.

Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara telah mengadakan persidangan-nya pada pagi kelemarin juga ia-itu bertempat di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei.

Sa-banyak 8 so'alan2 bertulis telah di-kemukakan dalam persidangan itu dan semua-nya di-jawab oleh Kerajaan.

MASHUARAT AGONG PERSEKUTUAN PERSATUAN2 PELADANG NEGARA :

11 Usol Di-Luluskan

BANDAR BRUNEI. — Persekutuan Persatuan2 Peladang Negara, Brunei, dalam Mashuarat Agong Tahunan-nya kali pertama yang telah di-langsungkan di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei, pada hari Sabtu yang lalu, telah meluluskan kesemua sebelas usol yang telah di-kemukakan dalam persidangan itu.

Di-antara sebelas usol tersebut, empat usol ia-lah mengenai permohonan tanah kepada Kerajaan.

Usol2 yang telah di-kemukakan dan di-luluskan dalam persidangan tersebut ada-lah seperti berikut:

MEMOHONKAN TANAH

Usol daripada Persatuan Peladang Kampong Ukong, Panchong, Kupang, Lubok Pulau, Batu Apoi dan lain2-nya berbunyi: Memohonkan tanah kepada Kerajaan di-suatu kawasan yang tertentu untuk ahli2 Persatuan Peladang.

Usol daripada Persatuan Peladang Kampong Delima Satu, Berakas berbunyi: Memohonkan tanah kepada Kerajaan di-suatu tempat yang tertentu untuk bertanam sayuran dan Rumah Persatuan serta semaian buah2an.

Usol daripada Persatuan Peladang Kampong Labu Estate, Temburong berbunyi: Memohonkan tanah sawah kepada Kerajaan sa-luas 80

ekar untuk ahli2 Persatuan.

Usol daripada Persatuan Peladang Kampong Rambai berbunyi: Memohonkan tanah kepada Kerajaan sa-luas 5 ekar untuk rumah Persatuan dan semaian buah2an.

BANTUAN WANG

Usol daripada Persatuan Peladang Kampong Kupang dan Kiudang berbunyi: Jabatan Pertanian tegas-nya Kerajaan sa - harus - nya memberi bantuan wang sataip Persatuan2 Peladang kerana membuat Rumah Persatuan.

MENGHADHIRI KURSUS SHARIKAT KERJASAMA

Usol daripada Persatuan Peladang Kampong Lubok Pulau, Tutong berbunyi: Memohonkan kepada Kerajaan supaya menghantar ahli2 Persatuan Peladang ka-luar negeri menghadhiri Kursus Sharikat Kerjasama.

MENYEDIAKAN KERTAS KERJA

Usol daripada Persatuan Peladang Kampong Kiudang,

berbunyi: Jawatan Kuasa Tertinggi (Pusat) Persekutuan Persatuan2 Peladang di-minta supaya menyediakan Kertas2 Kerja seperti resit2 kepada sa-tiap Persatuan Peladang.

Usol daripada Persatuan Peladang tersebut juga berbunyi: Bagaimanakah cara mengatasi-nya kepada Persatuan Peladang yang belum berapa maju?

BANGUNAN KHAS P.P.P. DI-IBU KOTA

Usol daripada Pusat berbunyi: Memohonkan kepada Ke-

rajaan supaya dapat membuatkan sa-buah bangunan khas (rumah) P.P.P. di-Ibu Kota dengan perkakas-nya sa-kali.

PERTANDINGAN PERTUNJOKAN PERTANIAN

Usol daripada Pusat berbunyi: Tiap2 Persatuan Peladang sa-harus-nya mengambil bahagian dalam Pertandingan Pertunjokan Pertanian pada tiap2 tahun.

AHLI2 KEHORMAT

Usol daripada Pusat berbunyi: Persekutuan Persatuan2 Peladang hendak-lah mengadakan Ahli2 Yang Kehormat.

Peraduan Bachaan Al-Koran Dan Sharahan Murid2 Sekolah2 Ugama Daerah Brunei Dan Muara

BANDAR BRUNEI. — Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin telah merasmikan pembukaan Peraduan Bachaan Al-Koran dan Sharahan, Murid2 Sekolah2 Ugama Daerah Brunei dan Muara di-Dewan Madrasah, Bandar Brunei, pada petang hari Ahad 5 Jun, 1966.

Seramai 18 orang murid2 lelaki dan perempuan dari Sekolah2 Ugama Kawasan2 Brunei Satu, Brunei Dua dan Brunei Tiga yang telah berjaya dalam Peraduan2 Bachaan Al-Koran dan Sharahan, Peringkat Kawasan masing2 telah mengambil bahagian dalam peraduan tersebut.

Keputusan peraduan2 itu ada-lah seperti berikut:

Peraduan Bachaan Al-Koran Murid2 Lelaki: Pertama — Awangku Yassin bin Pengiran Damit dari Sekolah Ugama Bunut; Kedua — Awang Meraji bin Haji Bakar dari Sekolah Ugama Lela Menchanai; Ketiga — Awang Kahar bin Tinggal dari Sekolah Ugama Pengkalan Batu.

Peraduan Bachaan Al-Koran Murid2 Perempuan: Pertama — Dayang Siti Hani binte Haji Simpon dari Sekolah Ugama Panchor Murai; Kedua — Dayangku Norsinah binte Pengiran Zainal dari Sekolah Ugama Perempuan Bandar Brunei; Ketiga — Dayang Asmah binte Haji Tengah dari Se-

kolah Ugama Perempuan Bandar Brunei.

Peraduan Sharahan Murid2 Lelaki: Pertama Awangku Yunos bin Pengiran Salleh dari Sekolah Ugama Bunut; Kedua — Awang Naidi bin Sukaini dari Sekolah Ugama Sungai Hanching; Ketiga — Awang Mahmud bin Haji Pauji dari Sekolah Ugama Lelaki, Bandar Brunei.

Peraduan Sharahan Murid2 Perempuan: Pertama — Dayangku Sa'adiah binte Pengiran Omar dari Sekolah Ugama Perempuan, Bandar Brunei; Kedua — Dayang Sariah binte Bugal dari Sekolah Ugama Kilanas; Ketiga — Dayang Zaiton binte Basir dari Sekolah Ugama Sungai Hanching.

Kawasan Brunei Dua telah memenangi hadiah sa-bagai Kawasan yang terbaik sekali dalam Peraduan2 Bachaan Al-Koran dan Sharahan.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin telah menyampaikan hadiah2, kepada pemenang2 peraduan2 tersebut.

HARGA BARANG2 DAGANGAN

PENGAWAL Kastam dengan ini menetapkan bagi tujuan mengenakan cukai2 harga barang yang di-sebutkan ini, mulai dari dan termasuk 6 Jun, 1966:

Lada Puteh sa-pikul \$154.00.
Lada Hitam sa-pikul \$107.00.

BAHASA JIWA BANGSA
Gunakan-lah Bahasa Melayu
Dalam Segala Lapangan

Pegawai2 Baru Persekutuan Persatuan2 Peladang Negara

BANDAR BRUNEI. — Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Setia Usaha Kerajaan dan Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh, Penolong Menteri Pertanian, telah di-pilih menjadi Penaong2 Persekutuan Persatuan2 Peladang Negara, Brunei, dalam Mashuarat Agong persekutuan tersebut di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei, pada hari Sabtu 4 Jun, 1966.

Ahli2 Jawatan Kuasa Tertinggi (Pentadbir), Persekutuan Persatuan2 Peladang Negara, Brunei, bagi tahun 1966/1967 yang telah di-lantik oleh Pegawai Pertanian Negara atau pun di-pilih oleh sidang, ada-lah seperti berikut:

PENASEHAT: Awang Abdul Hamid bin Ja'afar, Pemangku Pegawai Pertanian Negara, Brunei.

YANG DI-PERTUA: Awang Suhaimi bin Haji Ismail.

NAIB YANG DI-PERTUA: Awang Abu Bakar bin Abdul Rahman.

SETIA USAHA AGONG:

Awang Talip bin Miramit;

PENULONG SETIA USAHA AGONG:

Awang Abdullah bin Haji Halus;

BENDAHARI:

Awang Ibrahim Rajid;

PEMERKAS KIRAZ:

Awang Michael Thien dan Awang Asmat Hidup.

AHLI2 JAWATAN KUASA:

Seramai 6 orang, ia-itu, Awang Omar Ali Esong dan Awang Teo Jok Lin (Dari Daerah Tutong); Awang Teo Eng Teik dan Pengiran Ahmad bin Pengiran Md. Salleh (Dari Daerah Temburong); Pengiran Hashim dan Awang Haji Bakar bin Awang Hashim (Dari Daerah Brunei).

PEGAWAI2 ATAS NAMA JAWATAN:

Awang Emilio Hilario (Daerah Temburong); Awang Abdul Hamid Husain (Daerah Tutong); Awang W. G. Agne (Daerah Brunei) dan Awang Ahmad Haji Ismail (Daerah Belait).

Peraduan Bachaan Al-Koran Dan Sharahan

Murid2 Sekolah2 Ugama Daerah Tutong Memperolehi Sambutan

TUTONG. — Seramai 16 orang murid2 lelaki dan perempuan dari Sekolah2 Ugama di-Daerah Tutong telah di-pilih untuk mengambil bahagian dalam peraduan Membacha Al-Koran dan Sharahan Murid2 Sekolah2 Ugama Sa-Negeri Brunei.

Peraduan Bachaan Al-Koran dan sharahan tersebut telah di-adakan di-Asrama Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong pada petang hari Juma'at 3 Jun dan telah tamat pada malam hari tersebut dengan memperolehi sambutan.

Keputusan-nya ada-lah seperti berikut:

Peraduan Bachaan Al-Koran, Bahagian Murid2 Lelaki: Pertama — Awang Mustafa bin Sidek dari Sekolah Ugama Keriam; Kedua — Awang Tinggal bin Lemudin dari Sekolah Ugama Sengkuring; Ketiga — Awang Sarbini bin Abidin dari Sekolah Ugama Layong dan Ke-empat — Awangku Yatim bin Pengiran Othman dari Sekolah Ugama Kiudang.

Peraduan Bachaan Al-Koran, Bahagian Murid2 Perempuan: Pertama — Dayang Masniah binte Haji Abdi Manaf dari Sekolah Ugama Layong; Kedua — Dayang Sidekiah binte Jali dari Sekolah Ugama Kiudang; Ketiga — Dayang Siti binte Tahir dari Sekolah Ugama Keriam dan Ke-empat — Dayang Hamidah binte Abdul Hamid dari Sekolah Ugama Sengkuring.

Peraduan Sharahan, Bahagian Murid2 Lelaki: Pertama — Awang Mahali bin Abdul Rahman dari Sekolah Ugama Keriam; Kedua — Awang Salleh bin Ani dari Sekolah Ugama Lamunin; Ketiga — Awangku Ridzuan bin Pengiran Abbas dari Sekolah Ugama Sengkuring; Ke-empat — Awang Shukor bin Jemudin dari Sekolah Ugama Sinaut.

Peraduan Sharahan, Bahagian Murid2 Perempuan: Pertama — Dayang Jamaliah binte Haji Abdul Hamid dari Sekolah Ugama Muda Hashim; Kedua — Dayang Hasnah binte Orang Kaya Maharaja Dinda Haji Saman dari Sekolah Ugama Sengkuring; Ketiga — Dayang Aminah binte Libut dari Sekolah Ugama Keriam; Ke-empat — Dayang Jainah binte Lati dari Sekolah Ugama Birau.

Sekolah2 Ugama Bahagian Tutong Satu telah memenangi hadiah2 Kejohanan Bahagian2 Bachaan Al-Koran dan Sharahan.

Hadiah2 kepada pemenang2 dalam peraduan2 tersebut telah di-sampaikan oleh Isteri Yang Mulia Pengiran Othman bin

Pengiran Anak Md. Salleh, Pegawai Daerah Tutong bertempat di-Asrama Sekolah Melayu Muda Hashim pada malam tersebut.

Sa-lepas itu Badan Penerangan, Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei telah mengadakan satu pertunjukan wayang gambar dan majlis sharahan di-Padang Asrama sekolah tersebut.

TAYANGAN FILEM PERADUAN BACHAAN AL-KORAN ANTARA BANGSA

Di-antara filem2 yang ditayangkan itu ia-lah sa-buah filem mengenai Peraduan Bachaan Al-Koran Antara Bangsa yang telah di-adakan di-Kuala Lumpur pada tahun lalu.

Persatuan "INSAP" Di-Lahirkan Baru2 Ini

KAMPONG SETIA PAHLAWAN. — Belia2 yang tinggal di-Kampung Setia Pahlawan, Kampong Ayer, Brunei, telah menu-buhkan sa-buah persatuan baru2 ini.

Persatuan tersebut ia-lah Persatuan Ikatan Setia Pahlawan dan nama rengkas-nya ia-lah "INSAP".

Pendaftaran persatuan tersebut telah pun di-luluskan oleh Kerajaan pada 19 Mei, 1966.

Sementara itu, Setia Usaha Jawatan Kuasa Penubohan "INSAP", Awangku Badaruddin bin Pengiran Haji Damit berkata bahawa sebagaimana belia2 di-Kampung2 lain di-negeri ini, maka belia2 di-Kampung Setia Pahlawan Brunei, juga tidak mahu ketinggalan di-dalam bidang kemasharakatan dan lain2-nya sa-um-pama itu.

Belia2 di-Kampung Setia Pahlawan sedar akan penting-nya hidup dalam masyarakat yang sedang membangun ini, kata Awangku Badaruddin, apa-tah lagi pada dewasa ini, tenaga belia2 sangat2 di-perlukan dan mengambil peranan penting.

"Maka dengan sebab kesedaran itu-lah, tertuboh-nya sa-buah Badan Belia di-Kampung Setia Pahlawan dengan nama PERSATUAN IKATAN SETIA PAHLAWAN, rengkas-nya "INSAP".

Dengan tertuboh-nya Persatuan Belia di-Kampung ini bererti kesedaran belia2 di-Kampung ini telah berkubar2 hingga tumpas-lampus dengan Persatuan Belia ini, maka in-lah satu jalan untuk menyatu padukan tenaga belia2 yang ada di-Kampung ini untuk membangun masyarakat-nya dalam bidang2 yang tertentu,

kata beliau.

Selanjut-nya, Awangku Badaruddin menegaskan bahawa sebagaimana Persatuan2 Belia yang lain di-negeri ini, Persatuan Ikatan Setia Pahlawan juga ada mempunyai Dasar2 yang tertentu.

INSAP ada-lah menganut Empat Dasar yang besar, iaitu: UGAMA, SOSIAL, KEBUDAYAAN, PELAJARAN DAN PERSURATAN.

JAWATAN KUASA PENUBOHAN

Jawatan Kuasa Penubohan INSAP yang telah di-lantek baru2 ini ada-lah seperti berikut:

Penasehat Umom — Awang Abdul Aziz Juneid.

Pengerusi — Awang Kamar Jahoh. **Penolong Pengerusi** — Dayang Halimah Haji Ismail.

Setia Usaha — Awangku Badaruddin Pengiran Haji Damit. **Penolong Setia Usaha** — Awangku Tengah Pengiran Abdul Rahman.

Bendahari — Awang Salleh Abu Bakar. **Penolong Bendahari** — Dayang Rabeah Haji Metali.

Jawatan Kuasa Pembantu:
1. Awang Aliamat Timbang;
2. Awang Ja'far Metassan;
3. Dayang Noormen Khatib Haji Sulaiman, dan 4. Awang Md. Noor Md. Yassin.

Jadual Lawatan Badan Penerangan Ugama Islam

BANDAR BRUNEI. — Rancangan Lawatan Badan Penerangan Ugama Islam Brunei (Sharahan Ugama dan Wayang Gambar) mulai pada hari ini hingga ke-29 Jun ada-lah seperti berikut:

- 8 Jun, 1966 — Sekolah Melayu Layong, Tutong.
- 13 Jun, 1966 — Kampong Pangkalan Batu, Brunei.
- 14 Jun, 1966 — Sekolah Melayu Anggerek Desa, Brunei.
- 15 Jun, 1966 — Kampong Lorong Dalam, Brunei. (Rumah Awang Hj. Bakar b. Ag. Hashim).
- 18 Jun, 1966 — Lorong 5½ Seria. (Rumah Pg. Tengah bin Pg. Abu Bakar).
- 20 Jun, 1966 — Sekolah Melayu Kilanas, Brunei.
- 21 Jun, 1966 — Kampong Kiulap, Brunei.
- 22 Jun, 1966 — Sekolah Melayu Kupang, Tutong.
- 27 Jun, 1966 — Kampong Batu Marang, Brunei.
- 28 Jun, 1966 — Kampong Pulau Baru2, Brunei.
- 29 Jun, 1966 — Kampong Lumapas, Brunei.

Pengurniaan Wang Tambang Dari Kerajaan Kerana Menunaikan Fardzu Haji

PEGAWAI2 KERAJAAN yang berhak untuk mendapat pengurniaan wang tambang kerana menunaikan Fardzu Haji menurut Surat Keliling Pejabat Setia Usaha Kerajaan No. 40/1961 ada-lah sekarang di-jemput untuk mengemukakan permohonan2 mereka bagi di-per-timbangkan untuk mendapat pengurniaan sa-demikian bagi musim Haji 1967.

Permohonan2 hendak-lah sampai ka-Pejabat Setia Usaha Kerajaan tidak lewat dari 30 Jun, 1966, dan layanan tidak akan di-beri kepada permohonan2 yang di-terima selepas tarikh tersebut.

Segala permohonan2 hendak-lah di-hantarkan dengan melalui Ketua2 Jabatan masing2, siapa ada-lah di-kehendaki mengedarkan permohonan2 itu ka-Pejabat Setia Usaha Kerajaan berserta dengan laporan2 mereka yang lengkap mengenai pemohon2.

PADA 4 JUN, 1966 yang lalu, maka genaplah setahun usia Persekutuan Persatuan2 Peladang Negara Brunei yang ditubuhkan dibawah kelolaan Jabatan Pertanian Negeri Brunei.

Maka pada tarikh tersebut berlangsunglah Mashuarat Agong Yang Pertama bagi persekutuan tersebut yang diadakan di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei dengan pembukaan rasminya telah dilakukan oleh Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Di-samping mengkaji kembali akan kerja2 yang diusahakan oleh persekutuan sepanjang setahun yang lalu, maka mashuarat agong itu juga mempersoalkan masaalah pertanian di-kampung2 khusus-nya dan diseluruh Negeri Brunei umum-nya

Penulong Menteri Pertanian, Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh, pernah menyatakan bahawa persekutuan itu adalah merupakan satu2-nya per-



Jugah bin Malong dari Kampung Bukit Teraja, Ulu Belait kelihatan gembira sambil memikul changkul, pongkis dan tin penyiram yang di-beri perchuma oleh Jabatan Pertanian sa-telah beliau tamat dari lathetan pertanian di-Pusat Perchubaaan Tanam2an, Kilanas minggu lalu.

satuan yang sangat2 kita harapkan kerana kita mengetahui tujuan dan chita2 persatuan ini adalah semata2 menghala untuk membimbing ahli2-nya ka-arrah kema'amoran dan kebahagiaan.

Taraf Penghidupan Yang Lebeh Baik

Beliau perchaya bahawa jika tujuan dan chita2 ini dapat di-laksanakan oleh ahli2-nya, maka keadaan penghidupan ra'ayat di-luar bandar khas-

nya kaum peladang sendiri akan berubah kapada taraf penghidupan yang lebeh baik.

"Penderitaan hidup yang di-harongi oleh peladang2 atau petani2 di-waktu ini, hanya-lah dapat di-atasi dengan melalui 'bersatu'."

Maka jelaslah sudah, bahawa hanya dengan bersatu, bahu-membahu dan bekerjasama dengan tidak mengira penat dan lelah akan dapat menyelesaikan atau meleraikan kekusutan2 yang dihadapi baik dalam bidang apa sekali pun.

Pada hari tersebut, sebanyak 18 buah persatuan2 peladang yang menjadi ahli dalam persekutuan itu telah membincangkan dengan hati2 untuk menyediakan rancangan2 yang lebeh besar yang akan di-jalankan bagi tahun ini.

Ini termasuklah untuk meluaskan lagi usaha menubuhkan Persatuan2 Peladang diseluruh daerah2 dalam negeri ini dalam menjayakan usaha bagi meluaskan bidang2 pertanian bagi membekalkan ra'ayat dengan hasil2 pertanian yang diperlukan.

GEN PERSE GERAK

Di-hari pembu mashuarat agong itu ruan telah di-buat Penulong Menteri Pertanian, Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh, berbunyi:

"Tahun 1966 tahun rak maju peladang sun-lah barisan pertanian dengan teratorapi untuk menemusoh ra'ayat — 'kebolor atau lapar

Taman Pertanian Untuk Ra'ayat

"Jadikanlah sa-gian daripada kav- bumi Brunei ini sa- 'taman pertanian' ra'ayat di-mana ra- akan bersuka ria paskan haus dan ga'."



Tiga orang pekerja perempuan di-Pusat Perchubaaan Tanam2an Kilanas kelihatan sedang bekerja di-sawah padi di-pusat tersebut.



Sa-bahagian daripada Kilanas ya

SA-TAHUN USIA UAN PELADANG — BARU DI-PERHEBAT

Ketika merasmikan pembukaan itu, Setia Usaha Kerajaan Brunei Yang Berhormat, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusof dalam ucapan-nya telah mensifatkan peladang2 atau pa'tani sa-bagai nafas manusia.

"Hanya dengan nafas yang sehat saja, manusia boleh hidup dalam erti kata yang sa-benar2-nya. Sa-lagi kita bernafas, maka sa-lagi itu-lah kita berharap, berjuang dan berusaha memperbaiki taraf hidup kita sekarang," tegas beliau.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusof menjelaskan lagi bahawa ada-lah tidak dapat di-hidup dengan pernafasan orang lain dan kita bergantung dengan barang2 makanan yang di-datangkan dari luar negeri seperti gula, beras dan lain2.

Saloran Pernafasan

"Ini ada-lah saloran pernafasan yang tidak sehat dan ia

akan tetap bersemadi di-tuboh masharakat itu sa-lagi masharakat tersebut tidak menyedari dan tidak berusaha mengatasinya."

Beliau mengharapkan agar supaya Persekutuan Persatuan2 Peladang Negeri Brunei itu akan benar2 berusaha bagi mengatasi kelemahan2 pertanian di-negeri ini dengan melaksanakan projek2 yang telah di-ator dan jangan hanya pandai berchakap tetapi tidak tau buat.

Perkembangan Pertanian

Beliau menegaskan lagi bahawa Negeri Brunei sekarang ini sedang menuju kepada berbagai2 perkembangan, salah satu-nya ia-lah pertanian dan apa yang di-harapkan sangat ia-lah kejayaan usaha kita yang besar ini. Dan, dengan itu hidup ra'ayat negeri ini akan terjamin.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusof menekankan bahawa sa-



Pegawai Pertanian Negara, Awang Hamidoon bin Awang Damit sedang melihat sa-batang penyapu yang di-perbuat dari batang padi dan di-sabelah kiri beliau ia-lah Pembantu Kanan Pertanian, Awang Suhaimi bin Hj. Ismail.

kira-nya pengeluaran hasil minyak di-Seria sudah tidak dapat lagi menjamin hidup kita, sudah tentu pada masa itu, Negara Brunei yang mewah "ibarat orang kaya yang kehilangan harta kekayaan-nya".

"Hanya pertanian saja-lah yang boleh mengambil alih dan usahakan-lah bumi Brunei ini dengan sa-luas2-nya."

Peranan Persatuan2 Peladang

Dengan itu, jelas-lah sudah betapa penting-nya pertanian bagi negeri kita ini dan betapa perlu-nya persatuan2 peladang


dalam mengambil peranan yang penting bagi menyuburkan bumi Brunei dan meng-hijaukan bumi Brunei dengan pertanian.

Dan tidak shak lagi bahawa petani2 atau peladang2 adalah penyambung nafas ra'ayat supaya hidup sehat dan mengekalkan kemakmoran negara.

Semoga Persekutuan Persatuan2 Peladang Negeri Brunei akan sentiasa mencapai kejayaan dalam perjuangan-nya, meluas dan meng-hijaukan negeri ini dengan pertanian.



ang menyertai latihan pertanian di-Pusat Perchubaaan Tanam2an menerima sijil tamat latihan pertanian minggu lalu.



Pemimpin2 dari 18 buah persatuan2 peladang yang menjadi anggota Persekutuan Persatuan2 Peladang Negeri Brunei kelihatan dalam pembukaan rasmi Mashuarat Agung Persekutuan tersebut pada 4 Jun yang lalu.

JAWATAN - JAWATAN KOSONG:

Pegawai Perubatan Bahagian Kesehatan

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan Pegawai Perubatan Bahagian Kesehatan di-Jabatan Perubatan dan Kesehatan, Brunei.

Tugas2 termasuklah Penadbiran Kesehatan Awam, perkhidmatan Kesehatan di-Pelabohan dan di-Lapangan Terbang, Pendaftaran Perangkawan Beranak dan Mati, dan lain2.

Kelayakan2:

- Pemegang sebarang Ijazah, Diploma atau lesen yang di-akui sebagai membolehkan dia-nya di-daftarkan oleh Majlis Pelajaran Perubatan 'Am dan Pendaftaran di - United Kingdom, atau,
- Pemegang Ijazah atau lesen dalam bidang perubatan, pembelahan yang lain, sekiranya Pegawai Perubatan Negara, Brunei, dengan sebab2 istimewa mempertimbangkan - nya sebagai kelayakan yang menchukopi dengan tidak mengira sama ada kelayakan tersebut tidak membolehkan pemegang-nya di - daftarkan di - United Kingdom.
- Chalon2 mesti - lah mempunyai Diploma dalam bidang Kesehatan Awam atau kelayakan yang sebanding dengan-nya; dan berpengalaman dalam kerja

ja Kesehatan Awam.

- Umur — tidak lebih dari 45 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji B2 EB 3 mata wang Malaysia \$1020 x 40-1620/EB/1670 x 50-1820.

Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

Tempoh Perkhidmatan:

Selama tiga tahun dan perkhidmatan boleh di-baharui dengan persetujuan bersama.

Baksis:

Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada chukai pendapatan dikenakan di-Brunei.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti dipenohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 11 Julai, 1966.

Jaga Di-Jabatan Ugama Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sedemikian untuk memenohi dua jawatan kosong sebagai Jaga di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2: Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 25 tahun hingga 60 tahun serta tahu menulis dan membaca.

Gaji: Dalam sukatan gaji F.1 \$160 x 5 - 175.

Permohonan2 yang mesti dipenohi dalam borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 18 Jun, 1966.

Pemereksa Tali Ayer Dan Parit

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan2 Pemereksa Tali Ayer dan Parit2 di-Jabatan Pertanian, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Chalon2 mesti-lah mempunyai pengalaman dalam kerja tali ayer dan parit selama sekurang2-nya lima tahun, lulus Form III Inggeris dan boleh berbahasa Melayu. Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang tahu kerja ukur mengukur.

Gaji: Dalam sukatan D.1-2 EB 3 \$210x10-270x15-360/EB/380x20-480. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan: Sechara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaaan

selama 6 bulan yang pertama. Pembaharuan kontrek ia-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis: Baksis sebanyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar jika berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 20 Jun, 1966.

Pembantu Teknik Rendah Di-Pejabat Ukur Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah dipelawa bagi memenohi jawatan2 kosong sebagai Pembantu Teknik Rendah di - Pejabat Ukur, Brunei.

Kelayakan2:

- Pemohon2 bagi jawatan dibawah ranchangan ini adalah di-kehendaki menchapai umur 18 tahun tetapi tidak lebih dari 35 tahun.

Pemohon2 mesti-lah ra'ayat ka-bawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan atau berhak untuk di-daftarkan menjadi ra'ayat Duli Yang Maha Mulia.

- Pemohon2 mesti-lah lulus dalam Form III, Sekolah Inggeris.

- Keutamaan akan di-beri kepada chalon2 yang mendapat 'Kepujian' dalam Ilmu Kira2 (Mathematics), tetapi tidak-lah mustahak.

Gaji:

Dalam sukatan D 1 - 2 EXAM BAR 3-4 \$210x10-270x15-360/EXAM BAR/380x20-620.

Pemohon2 yang berjaya akan di-lantek dalam perchubaaan selama tiga tahun.

Permohonan2 yang mesti di-di dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan2 surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 11 Jun, 1966.

MASHUARAT AGONG PEMBENAAN MASJID BARU KAMPONG KILANAS

KILANAS. — Mashuarat Agong Kali Ketiga Pembinaan Masjid Baru, Kampong Kilanas, Brunei, akan di-adakan di-Dewan Makan, Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti Kilanas, Brunei, pada hari Sabtu 11 Jun, 1966, jam 1.30 petang. Seluruh penduduk Kampong Kilanas dan kawasan2-nya adalah di-persilakan menghadiri mashuarat tersebut.

Achara2 mashuarat tersebut adalah seperti berikut:

- Uchapan Yang Dipertua;
- Penyata Dari Setiausaha Pembinaan;
- Membaca dan Mengsahkan Minit Mashuarat Agong yang lalu;
- Laporan daripada Jawatankuasa2 Derma;
- Penyata Kewangan dari Penyimpan Wang;
- Derma Kilat;
- Lain2 hal dan
- Bachan Do'a Selamat.

Nasehat Kapada Penunggang2 Basikal

BANDAR BRUNEI. — Penunggang2 basikal di-jalan2 raya pada waktu malam, adalah di-nasehatkan supaya menggunakan lampu di-hadapan basikal mereka.

Penunggang2 basikal adalah juga di-nasehatkan supaya mereka mengadakan lampu merah atau kacha merah yang sempurna di-belakang basikal semasa menunggang basikal di-jalan2 raya.

Penunggang2 basikal yang di-dapati menunggang basikal pada waktu malam dengan tidak mengadakan lampu di-hadapan basikal dan lampu merah atau kacha merah di-belakang basikal mereka, akan di-dapati salah dan boleh di-kenakan denda.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/ Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 8 Jun, hingga ka-hari Selasa 14 Jun, 1966, adalah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
8	12-23	3-38	6-31	7-43	4-39	4-53	6-06	
9	12-23	3-38	6-31	7-43	4-39	4-53	6-06	
10	12-23	3-38	6-31	7-43	4-39	4-53	6-06	
11	12-23	3-39	6-31	7-43	4-38	4-52	6-06	
12	12-23	3-39	6-31	7-43	4-38	4-52	6-06	
13	12-23	3-39	6-31	7-43	4-38	4-52	6-06	
14	12-23	3-39	6-31	7-43	4-38	4-52	6-06	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

SOKAN MAKTAB2 DAN SEKOLAH2 MENENGAH:

M.P.M.B. Menang Semua Hadiah Rebutan Kejohanan Antara Pasokan2

SERIA. — Maktab Perguruan Melayu Brunei telah berjaya memenangi ketiga2 hadiah rebutan Kejohanan Perlawanan Sokan Maktab2 dan Sekolah2 Menengah Seluruh Negeri Brunei antara Pasokan2 di-Gelanggang Sokan Seria pada petang hari Juma'at 3 Jun, 1966.

Dalam perlawanan sokan tersebut, Maktab Perguruan Melayu Brunei telah menjadi: Johan Champoran Pasokan Lelaki dan Perempuan.

Johan Pasokan Lelaki.

Johan Pasokan Perempuan.

Ini-lah kali pertama di-adakan temasha Perlawanan Sokan antara Maktab2 dan Sekolah2 Menengah dari seluruh Negeri Brunei.

Seramai 240 orang ia-itu 134 orang penuntut2 lelaki dan 106 orang penuntut2 perempuan, dari 16 buah persekolahan telah mengambil bahagian di-temasha sokan tersebut.

Pegawai Pelajaran Negara, Brunei, Awang Malcolm MacInnes telah merasmikan pembukaan temasha sokan itu.

Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail telah menyampaikan hadiah2 rebutan dan hadiah2 kemenangan kepada pemenang2 perlawanan sokan tersebut.

Keputusan Bahagian Pasokan ada-lah seperti berikut:

PASOKAN LELAKI: Johan — Maktab Perguruan Melayu Brunei mendapat 31 mata. Naib Johan — Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei, mendapat 22 mata. Ketiga — Maktab Anthony Abell, Seria, mendapat 17 mata.

PASOKAN PEREMPUAN:

Johan — Maktab Perguruan Melayu Brunei mendapat 22 mata. Naib Johan Maktab Anthony Abell, Seria, mendapat 16 mata. Ketiga — Sekolah Saint Mar-

garet, Seria, mendapat 14 mata.

CHAMPORAN MATA KEMENANGAN ANTARA PASOKAN2: Johan — Maktab Perguruan Melayu Brunei — 53 mata. Naib Johan — Maktab Anthony Abell, Seria — 33 mata. Ketiga — Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei — 28 mata.

PERLAWANAN TENNIS KEJOHANAN KELAB TENNIS BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan Tennis Terbuka Bahagian Bergu yang telah di-anjarkan oleh Kelab Tennis Brunei bertempat di-kawasan tennis kelab tersebut telah tamat baru2 ini.

Keputusan-nya ada-lah seperti berikut:

Johan — Malcolm Zoe dan Vasan.

Naib Johan — Daniel Yapp dan Jimmy Lye.

Dalam perlawanan peringkat akhir untuk merebutkan kejohanan tersebut, Malcolm Zoe dan Vasan telah mengalahkan Daniel Yapp dan Jimmy Lye dengan 6-4, 2-6 dan 6-3.

Sekolah Menengah Melayu Pertama, Brunei, telah mengadakan temasha sokan-nya kali yang pertama dalam bulan Mei yang lalu dengan memperolehi kejayaan. Gambar ini di-ambil selepas di-adakan temasha sokan itu. Dalam gambar ini kelihatan ahli2 Rumah Rusa yang telah menjadi Johan antara Rumah2 di-temasha sokan tersebut. Berdiri di-barisan kedua bilangan ke-enam dari kiri, ia-lah Pengetua, S.M.M.P., Doktor B. Simandjuntak.

Sokan Kejohanan Daerah2 Brunei dan Belait

BANDAR BRUNEI. — Seramai 190 orang peserta2 ia-itu terdiri dari 62 orang peserta2 wanita, 56 orang peserta2 lelaki bahagian Junior dan 72 orang peserta2 lelaki bahagian Senior telah mengambil bahagian dalam temasha Sokan Daerah Brunei di-Padang Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jemalul Alam, Bandar Brunei pada petang hari Ahad 5 Jun, 1966.

Temasha Sokan tersebut telah di-adakan di-bawah anjoran Persatuan Sokan Amateur Daerah Brunei.

Pemenang2 yang mendapat pangkat pertama, kedua dan ketiga dari tiap2 jenis perlawanan pada kumpulan ma-

sing2 telah di-pilih untuk mengambil bahagian dalam Perlawanan Sokan Peringkat Negeri.

Sementara itu Sokan Daerah Belait telah di-langsungkan di-Gelanggang Sokan Seria pada petang hari Ahad 5 Jun juga di-bawah anjoran Persatuan Sokan Amateur Daerah Belait.

Peserta2 yang berjaya dalam temasha sokan tersebut akan mewakili Daerah Belait dalam Perlawanan Sokan Kejohanan Seluruh Negeri Brunei yang akan di-langsungkan di-Gelanggang Sokan Seria pada hari Ahad 12 Jun, 1966, mulai jam 1.30 petang. — **Awang Md. Hussain Zainal.**

SOKAN SEKOLAH SAINT MARGARET:

Johan — Rumah Puteh Naib Johan — Rumah Biru

SERIA. — Rumah Puteh telah menjadi Johan antara Pasokan Rumah2 dalam temasha Sokan Tahunan Sekolah Saint Margaret, Seria, di-Gelanggang Sokan Seria baru2 ini.

Gelaran Naib Johan antara Pasokan Rumah2 dalam temasha sokan tersebut di-sandang oleh Rumah Biru.

Johan persaorangan murid2 lelaki bahagian Senior ia-lah Hussein Md. Zain.

Juliana Chua telah menyandang gelaran sa-bagai Johan persaorangan murid2 perempuan bahagian tersebut.

Dalam bahagian Junior pula, Johan persaorangan antara murid2 lelaki ia-lah Abdullah manakala Johan persaorangan

antara murid2 perempuan ia-lah Pauline Wong.

Pengetua Sekolah Saint Margaret, Awang J. F. Heath telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 perlawanan sokan tersebut.

SOKAN SEKOLAH SAINT MICHAEL

SERIA. — Thesan Singham telah berjaya mendapat gelaran sa-bagai Johan Persaorangan Bahagian Senior dalam Temasha Sokan Sekolah Saint Michael, Seria, baru2 ini.

Gelaran Johan Bahagian Junior dalam temasha sokan tersebut telah di-sandang oleh Othman Rani.



SAMBUTAN MAULUD NABI DI-BANDAR BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Satu Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w., di-bawah anjoran Badan Penerangan Ugama Islam, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Negeri Brunei, akan di-adakan di-Dewan Madrasah, Bandar Brunei, pada 7 Julai, 1966 mulai jam 7.30 malam.

Da 7 Julai, 1966 mulai jam 7.30 malam.

Di-antara achara2 yang akan di-adakan di-majlis tersebut ialah Peraduan2 Sharahan dan Berzanji.

PERADUAN SHARAHAN

Peraduan Sharahan itu adalah terbuka kepada Pertubohan2 Belia, Maktab2 dan Sekolah2 Menengah di-Daerah Brunei dan Muara.

Tiap2 pertubohan ha-nya di-bolehkan menghantar sa-orang sahaja wakil, sama ada lelaki atau pun perempuan, untuk mengambil bahagian.

PERADUAN BERZANJI

Peraduan Berzanji pula adalah terbuka kepada ra'ayat Brunei yang berumur di-antara 18 dan 45 tahun yang tinggal di-Daerah Brunei dan Muara sahaja.

Peserta2 yang berhajat hendak mengambil bahagian dalam peraduan2 tersebut, silalah berhubung dengan Setia Usaha Pesta Sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w., di-Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei sa-belum 18 Jun, 1966.

Latehan Pemimpin2 Pengakap

BANDAR BRUNEI.—Pengerusi Majlis Mashuarat Pengakap Negeri Brunei, Awang Norman Bradbury akan merasmikan pembukaan Latehan Permulaan Pemimpin2 Pengakap di-Perkhemahan Pengakap Jerudong pada jam 10.30 pagi hari Juma'at 10 Jun, 1966.

Latehan Permulaan Pemimpin2 Pengakap tersebut akan di-adakan di-Perkhemahan Pengakap Jerudong selama tiga hari mulai pada hari Juma'at 10 Jun hingga ka-hari Ahad 12 Jun, 1966. Ramai Pemimpin2 Pengakap dari seluruh negara akan mengambil bahagian dalam latehan tersebut.

Sementara itu Majlis Mashuarat Pengakap Daerah Brunei akan mengadakan Mashuarat Jawatan Kuasa-nya di-Ibu Pejabat Pengakap di-Bandar Brunei pada jam 7.30 malam hari Rabu 8 Jun, 1966.

Di-antara perkara2 yang akan di-rundingkan dalam mashuarat tersebut ia-lah mengenai Persidangan Pengakap, Tenggara Asia yang akan di-adakan di-Taipeh tidak berapa lama lagi; Sambutan Minggu Pengakap di-Daerah Brunei dan lain2 perkara.

Persatuan Pengakap Daerah Belait pula akan mengadakan Mashuarat Agong-nya bertempat di-Ibu Pejabat Pengakap, Seria, pada jam 5 petang hari Rabu 8 Jun, 1966.

BOLA SEPAK: Sumbiling Melawan Labuan 15 Orang Di-Pilih Mewakili Sumbiling

KAMPONG SUMBILING. — Pemain2 bola sepak yang telah di-pilih untuk mewakili Pasokan Bola Sepak Persatuan Pemuda Pemuda Kampung Sumbiling "A" dalam perlawanan bola sepak sa-chara persahabatan dengan Persatuan Labuan State Amateur Football Association di-Labuan pada petang hari Juma'at 10 Jun, 1966, ada-lah saperti berikut:

Awang Hussain bin Pehin Orang Kaya di-Gadong Seri Lela Dato Utama Awang Haji Mohamed Yusof (Ketua), Muhammad bin Che'ku, Ariffin bin Abdul Rahman, Awangku Suhaimi bin Pengiran Haji Abdul Rahman, Md. Ali bin Abdi Manaf, Mohammed Noor bin Mohammed, Yahya bin Abdi Manaf, Muhammad bin Salleh, Awangku Kemaluddin bin Pengiran Besar, Idris bin Abdul Hamid dan Zainal bin Taha.

Pemain2 simpanan: Abdul Razak bin Abdullah, Alias bin Mohamed, Hamidon Haji Hassan dan Sharbini bin Taha.

Pasokan tersebut akan berangkat ka-Labuan dengan sebuah kapal Kerajaan pada jam 7.45 pagi hari Juma'at 10 Jun.

Awang Abdul Hamid Ja'afar Di-Lantek Menjadi Pemangku Pegawai Pertanian Negara

BANDAR BRUNEI.— Pegawai Pertanian Negara, Brunei, Awang Hamid bin Awang Damit telah berangkat ka-luar negeri baru2 ini untuk berchuti sa-belum bersara.

Pada masa Awang Hamid bin Ja'afar akan berkhidmat sebagai Pemangku Pegawai Pertanian Negara, Brunei.

dan balek ka-Brunei pada petang hari Sabtu 11 Jun.

Sementara itu, Ketua Pasokan tersebut, Awang Hussain berkata bahawa Pasokan Bola Sepak dari Labuan itu mungkin akan melawat Negeri Brunei untuk berlawanan dengan Pasokan Bola Sepak Kampung Sumbiling di-Padang Besar Bandar Brunei tidak berapa lama lagi.

Jadual Perlawanan Bola Sepak Anjoran Majlis Pemuda Pemuda

BANDAR BRUNEI.—Jadual Perlawanan Bola Sepak anjoran Majlis Pemuda Pemuda Negeri Brunei dan di-kelolakan oleh Persatuan Pemuda Pemuda di Kampung Sumbiling pada hari Ithnin 13 Jun, 1966 dan pada hari Thalatha 14 Jun, 1966 ada-lah saperti di-bawah ini:

13 Jun: Sumbiling "B" melawan Sultan Lama "A". Penjaga Tepi — Sukarela Tutong.

14 Jun: Burong Pingai melawan Sungai Kedayan. Penjaga Tepi — Sultan Lama "B".

Perlawanan bola sepak tersebut di-adakan di-Padang Besar, Bandar Brunei, pada petang hari yang berkenaan.

BERITA TERAKHIR: Oleh kerana Padang Besar Bandar Brunei di-gunakan untuk latehan Perbarisan Sambutan Hari Jadi D.Y.M.M. Baginda Queen dan juga untuk Perbarisan tersebut maka perlawanan2 yang di-jadualkan berlangsung pada 8, 9, 10 dan 11 Jun, 1966 di-tangguhkan ka-tarik2 yang akan datang kelak.

Sambutan Hari Ulang Tahun Kelab Rotary Antara Bangsa Bandar Brunei

BANDAR BRUNEI. — Kelab Rotary Antara Bangsa, Bandar Brunei, akan menyambut Hari Ulang Tahun-nya yang pertama dengan mengadakan satu majlis sambutan di-Istana Edinburgh pada jam 7.30 malam hari Khamis 9 Jun, 1966.

Di-antara achara2 yang akan di-langsungkan di-majlis tersebut ia-lah merasmikan lantekan Pegawai2 Baru, Kelab Rotary Antara Bangsa, Bandar Brunei.

Satu upacara merasmikan lantekan anggota2 baru Kelab Rotary Antara Bangsa, Bandar Brunei, akan juga di-langsungkan di-majlis tersebut.

Sementara itu, dalam satu Mailis Perjumpaan Minggu K.R.A.B., Bandar Brunei, yang telah di-adakan pada petang hari Khamis 2 Jun, 1966, Yang Dipertua kelab tersebut, Doktor J. S. Gould telah memperkenalkan empat orang anggota2 baru Kelab Rotary Antara Bangsa, Bandar Brunei.

Beliau2 itu ia-lah Awang Ong Kim Kee, Pengiran Haji Puteh bin Pengiran Haji Rajid, Awang Francis Heng dan Awang J. Prasad.

Sa-orang lagi anggota baru kelab tersebut, Rev. J. Blades, yang pada hari tersebut berada di-luar negeri, telah tidak dapat hadir di-majlis perkenalan itu.

Persidangan Rotary Kawasan Tenggara Asia IPOH. — Lebih daripada 100 orang wakil2 dari 40 buah Kelab2 Rotary Antara Bangsa dari kawasan Tenggara Asia, ia-itu dari Daerah 330 Pertubohan tersebut akan mengambil bahagian dalam Persidangan Kelab Rotary Antara Bangsa Daerah 330 di-Ipoh, Perak, Malaysia, pada 25 dan 26 Jun, 1966.

Di-antara wakil2 yang akan hadir di-persidangan tersebut ia-lah dari Brunei, Laos, Cambodia, Vietnam Selatan, Thailand, Singapura dan Malaysia.



Gambar ini di-ambil di-temasha Sokan Daerah Brunei, di-Padang Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jemalul Alam, Bandar Brunei pada petang hari Ahad yang lalu. Dalam gambar ini kelihatan di-antara pelumba2 yang mengambil bahagian dalam Lumba Lari 5,000 meter Lelaki Senior. Di-hadapan sekali ia-lah Ibrahim bin Abdul Rahman dari S.M.M.P., sa-orang petumba jarak jauh yang terkenal di-negeri ini.